



EMBARGO: Tidak boleh  
dicetak atau disiarkan  
sebelum 23 Julai 2022  
jam 8.30 Pagi.

UKK/600-01/02 Jld 7

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM *COMMUNITY BASED TOURISM*, ARCA DASAR LAUT DI PULAU LANGKAWI MEMPERKASAKAN EKOSISTEM SENI DAN PELANCONGAN NEGARA**

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya iaitu Balai Seni Negara hari ini melancarkan Program Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*), Arca Dasar Laut di Pengkalan Kubang Badak, Langkawi, Kedah. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Program *Community Based Tourism*, Arca Dasar Laut yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara adalah merupakan salah satu usaha bagi memperkasakan ekosistem seni dan pelancongan negara. Program ini telah mendapat kerjasama *Marine Research Station* (MARES) UiTM Perlis, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pejabat Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Kedah, Geopark Langkawi, Jabatan Perikanan Malaysia, Pejabat Tanah Daerah Langkawi dan Polis Marin Langkawi.

Penghasilan arca-arca yang berkonsepkan mitos dan lagenda Langkawi ini bermula pada Disember 2021 di Pengkalan Kubang Badak. Arca-arca ini kemudian siap dilabuhkan di sekitar perairan Pulau Pasir pada 2 Jun 2022. Program ini melibatkan 9 orang seniman tempatan yang berpengalaman. Mereka terdiri daripada YM Tengku Sabri Tengku Ibrahim, Abdul Multhalib Musa, Ahmad Fuad Osman, Dr. Zainuddin Bin Abindinhazir @ Abdul Rashid, Low Chee Peng, Maxine Xie Xian Xin, Mohd Al Khuzairie Ali, Mohd Radzi Ismail, dan Umibaizurah Mahir @ Ismail. Sepanjang proses penghasilan arca ini, mereka turut bekerjasama dengan komuniti setempat melalui para nelayan dan pengusaha selam skuba.

Di samping itu, Program *Community Based Tourism*, Arca Dasar Laut ini juga tersenarai dalam Malaysia Book of Records (MBOR) selepas diiktiraf sebagai “*Most Underwater Sculptures*” melalui penghasilan 14 buah arca. Majlis perasmian pada hari ini turut menyaksikan upacara menandatangani sijil pengiktirafan Malaysia *Book of Records* (MBOR).

Menurut YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, "Arca dasar laut ini adalah merupakan elemen visual baharu dalam penciptaan konten dan kehebatan cerita tentang mitos dan lagenda Langkawi hasil kerjasama pengarca dan pelukis bersama komuniti setempat. Malah, dengan reka bentuk dan bahan yang digunakan akan menjadi perumah baharu kepada ekologi marin seterusnya mewujudkan jaringan kelestarian kepada kehidupan marin, komuniti setempat dan pelancongan Langkawi, Kedah".

Dalam pada itu, seiring dengan matlamat untuk melestarikan industri pelancongan, seni dan budaya, Balai Seni Negara turut mengadakan program sokongan iaitu Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pembersihan Pulau Pasir dan Program Permukiman Seni Pulau Pasir di Pulau Pasir, Langkawi, Kedah selama empat hari bermula pada 21 Julai 2022. Program ini menyaksikan para pemenang pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021 (BMS21) dan juga kurator-kurator BMS21 bekerjasama dalam aktiviti kesenian bagi menyemarakkan lagi kecintaan terhadap alam sekitar dan juga seni. Selain pembersihan kawasan Pulau Pasir, antara aktiviti lain adalah aktiviti pemuliharaan alam sekitar, acara lakar diari, sesi *brainstorming*, bual bicara seni, mendaki (*jungle trekking*) dan *snorkeling (underwater sculpture discovery)*.

Menerusi program anjuran Balai Seni Negara ini, ia diharap dapat terus menyuntik semangat para artis tempatan untuk terus berkarya dan membantu komuniti setempat sekaligus mendidik masyarakat dengan memberi pendedahan tentang objek seni umum.

Majlis turut dihadiri YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC, YB Tuan Mohd Firdaus Ahmad, Exco Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Kedah, YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi LPSVN, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN, serta pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi.

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)